

No Rujukan : USM/PAO/011/18

Tarikh : 18 Disember 2017

Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan/ Penyelaras  
Pusat Pengajian/ Pusat/ Seksyen/ Unit  
Kampus Induk/ Kejuruteraan/ Kesihatan

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
www.usm.my

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN BAGI PROSES KEMASUKAN DATA KE DALAM SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET UNIVERSITI (SPPA)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, Pejabat Aset dan Operasi (PAO) bersama-sama dengan Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT) sedang memantapkan kemasukan data ke dalam Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset Universiti (SPPA) dan dari semakan yang dibuat, banyak lagi PTJ yang belum menyelesaikan kemasukan data ke dalam sistem ini.
3. Sehubungan itu, saya ingin memohon YBhg. Dato'/Tuan/Puan agar dapat **memastikan semua Pegawai Aset di PTJ masing-masing** dapat memasukkan semua data berkaitan aset PTJ masing-masing ke dalam SPPA **selewat-lewatnya atau pada 31hb Januari 2018**. Untuk makluman juga, Majlis Pelancaran SPPA akan dibuat oleh Datuk Naib Canselor semasa Perutusan Tahun Baru 2018.
4. Sebarang persoalan, boleh berhubung terus dengan Encik Ahmad Wafi di ext 6430 ([wafi@usm.my](mailto:wafi@usm.my)) atau Puan Roshita di ext 6293 ([roshita@usm.my](mailto:roshita@usm.my)). Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan amatlah diharapkan dan sangat-sangat dihargai demi memastikan pengurusan aset USM dilakukan secara sistematik serta mematuhi Dasar Pengurusan Aset Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memastikan Kelestarian Hari Esok"**

Saya yang menjalankan tugas,



**(PROFESOR DATO' DR. ABD. AZIZ TAJUDDIN)**  
Pendaftar

s.k. Naib Canselor  
Timbalan Pendaftar, Pejabat Aset dan Operasi  
Ketua Pegawai Maklumat, PPKT

